

**SULIT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**: JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**: TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH**

**: 24.05.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN**

**: 14**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pelan pembangunan hub pendidikan di wilayah Ketengah khususnya melibatkan Bandar Al Muktafi Billah Shah dan Pekan Bukit Besi.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bandar Al Muktafi Billah Shah dan Bandar Bukit Besi merupakan perbandaran di Wilayah KETENGAH yang dijadikan hub pendidikan berdasarkan Perancangan Strategik Pembangunan KETENGAH sehingga Tahun 2020 dan Rancangan Kawasan Khas Bukit Besi di mana penekanan kepada aspek pendidikan adalah tertumpu di dua perbandaran ini.

Bagi merealisasikan hasrat sebagai hub pendidikan ini, KETENGAH telah mengadakan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang membawa kepada penubuhan Institusi Pengajian Tinggi dan Pusat Latihan Kemahiran seperti:

- (i) **Universiti Teknologi MARA, Kampus Bukit Besi.** Institusi ini telah mula beroperasi pada 1 Jun 2013 dan mempunyai jumlah pelajar seramai 1,024 orang. Seterusnya, pembangunan UiTM Kampus Bukit Besi Fasa II yang melibatkan penambahan kemudahan pengajian dan peningkatan pengambilan pelajar turut dilaksanakan.
- (ii) **Mara KETENGAH International College (MKIC) di Bandar Al Muktafi Billah Shah.** MKIC telah mula beroperasi pada 1 Mac 2013 dengan kapasiti 288 orang pelajar. Kursus yang ditawarkan di sini ialah persediaan A Level dalam bidang Arkitek, Ekonomi dan Perakaunan untuk ke luar negara.
- (iii) **Kolej KETENGAH di Bandar Al Muktafi Billah Shah.** Kolej ini telah mula beroperasi pada 22 November 2003 dan menawarkan Diploma Teknologi Maklumat serta Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

**SULIT**

Selain itu, kursus jangka pendek seperti Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK) bagi pelajar miskin turut diadakan di sini.

- (iv) **GiatMARA KETENGAH di Bandar Al Muktafi Billah Shah.** GiatMARA KETENGAH ini telah mula beroperasi pada 18 September 1990. Sehingga kini, seramai 1,629 orang graduasi telah dihasilkan. Kapasiti pelajar yang boleh diisi pada satu-satu masa ialah seramai 40 orang.
- (v) **Maktab Rendah Sains Mara – Imtiaz Yayasan Terengganu – KETENGAH** (MRSM-IMTIAZ YT-KETENGAH). MRSM-IMTIAZ YT-KETENGAH memulakan operasinya pada 7 Mac 2016 hasil kerjasama antara KETENGAH, MARA dan Kerajaan Negeri Terengganu ke arah mewujudkan pelajar cemerlang dalam bidang sains keusahawanan seterusnya hafiz Al Quran. Bilangan pelajar adalah seramai 130 orang.

Selain itu, KETENGAH juga telah mengadakan Memorandum Persefahaman dengan MARA dalam pemerkasaan institusi pendidikan di Bandar Al Muktafi Billah Shah dan Bandar Bukit Besi dengan melibatkan perkara berikut:

- (i) Menaik taraf GiatMARA KETENGAH kepada GiatMARA Prima;
- (ii) mewujudkan MARA Business Centre; dan
- (iii) menyediakan pengangkutan awam yang melibatkan laluan institusi-institusi pendidikan dari Bandar Al Muktafi Billah Shah ke Bandar Dungun.

**SULIT**

Manakala, pembinaan RTC Terengganu di Bandar Al Muktafi Billah Shah pula merupakan sokongan kerajaan pusat kepada pelan pembangunan hub pendidikan di wilayah KETENGAH.

Selain daripada menjadi pusat perkhidmatan awam setempat, RTC Terengganu juga menyediakan pusat latihan bersepadu yang mempunyai kemudahan seperti bilik kuliah, dewan seminar, pusat komputer dan bilik mesyuarat yang membolehkan pelbagai kursus kemahiran jangka pendek dilaksanakan secara NBOS antara KETENGAH dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Antara kursus dan aktiviti pendidikan yang dilaksanakan di RTC Terengganu ialah Kursus Bahasa Inggeris 1Malaysia, Kursus keusahawanan, Kursus Kemahiran IKS, Pertanian dan Penternakan, Kursus ICT serta ekspo pendidikan dan kerjaya.

Hal ini dapat memperkuuhkan lagi hub pendidikan di wilayah KETENGAH serta memberi peluang kepada pembangunan masyarakat khususnya golongan belia dan usahawan di wilayah KETENGAH.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**  
**TARIKH : 24.05.2016 (SELASA)**  
**SOALAN : 15**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:-

- (a) jumlah rumah penduduk luar bandar yang belum lagi mendapat Bekalan Air Bersih Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di seluruh negara mengikut pecahan negeri; dan
- (b) apakah usaha telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mencapai sasaran sifar kemiskinan menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian tidak mempunyai statistik berkenaan bilangan rumah yang masih belum menerima bekalan air bersih dan bekalan elektrik di seluruh negara. Namun begitu, berdasarkan senarai keutamaan dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dianggarkan sebanyak 18,000 buah rumah di Sabah, 18,000 buah rumah di Sarawak dan 10,000 buah rumah di Semenanjung akan mendapat bekalan air bersih manakala dianggarkan sebanyak 18,374 buah rumah di Sabah, 16,942 buah rumah di Sarawak dan 1,500 buah rumah di Semenanjung akan mendapat bekalan elektrik 24 jam dalam pelaksanaan dalam projek yang akan datang sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan PBN dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM serta peruntukan yang disediakan Kerajaan.

- (b) Untuk mencapai sasaran sifar kemiskinan menjelang tahun 2020, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bertanggungjawab dalam aspek kebajikan kepada golongan sasar yang memerlukan seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, ibu tunggal dan mangsa bencana supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Dalam memastikan kebajikan golongan sasar ini sentiasa diberi perhatian dan penekanan serius, JKM ada menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti berikut:

1. Bantuan Kanak-kanak, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga yang memerlukan atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka;
2. Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan kecacatan mereka yang teruk dan tidak berupaya bekerja;
3. Elaun Pekerja Cacat, dengan kadar RM350 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja yang pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai elaun insentif supaya mereka terus bekerja;
4. Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar, dengan kadar RM300 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti;
5. Bantuan Orang Tua, dengan kadar RM300 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk meneruskan kehidupan harian;
6. Bantuan Am, dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar lain yang memerlukan manakala kadar mengikut negeri masing-masing;
7. Bantuan Latihan Perantis, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada kumpulan sasar JKM yang bersedia

untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang; dan

8. Bantuan Anak Pelihara, dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan keluarga pelihara yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Selain daripada itu, bantuan kewangan sekaligus turut disediakan oleh JKM untuk kumpulan sasar ini seperti berikut:

1. Bantuan Geran Pelancaran, dengan kadar RM2,700 sekaligus dipertimbangkan kumpulan sasar JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama- lamanya.
2. Bantuan Alat Tiruan / Sokongan, dengan kadar sebenar alat tiruan / sokongan tersebut bagi membantu kumpulan sasar JKM yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda, alat pendengaran, dan lain-lain peralatan yang bersesuaian dan diperlukan seperti yang disyorkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan / Pengamal Perubatan.

**SOALAN NO: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah siswazah lepasan bidang kesihatan (perubatan, pergigian dan farmasi) yang menunggu penempatan pekerjaan dari Jun 2015 hingga Mac 2016 mengikut universiti.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi Graduan Perubatan, bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 29 Februari 2016 terdapat seramai 12,725 graduan perubatan yang mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Daripada jumlah tersebut, 5,122 graduan perubatan telah dipanggil temuduga oleh SPA dan yang telah hadir adalah seramai 4,946 orang. Daripada jumlah yang hadir temu duga, 4,805 (97.1%) orang telah berjaya temuduga dan menerima surat tawaran lantikan untuk menjalani latihan siswazah. Manakala, bakinya akan dilantik secara berfasa tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Selepas urusan pelantikan oleh SPA selesai, urusan penempatan untuk latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh PPS secara atas talian melalui *e-housemen* (dengan izin) tertakluk kepada kekosongan jawatan. Tempoh menunggu untuk menjalani latihan siswazah bergantung kepada pilihan masing-masing adalah di antara 4 hingga 6 bulan. Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di Lembah Klang yang tidak mempunyai kekosongan, maka tempoh menunggu adalah lebih lama daripada 6 bulan. Justeru, graduan perubatan digalakkan memilih penempatan di hospital yang mempunyai banyak kekosongan jawatan seperti di Sabah dan Sarawak bagi memendekkan tempoh menunggu sebelum dilantik menjadi PPS. Selain itu, tempoh menunggu juga bergantung kepada jumlah graduan di dalam dan luar negara yang melapor diri.

Bagi Graduan Pergigian pula, bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 29 Februari 2016 terdapat seramai 572 graduan pergigian mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan kesemuanya telah dipanggil temuduga oleh SPA. Daripada jumlah yang hadir temu duga, 515 (90.0%) orang telah berjaya temuduga dan menerima surat tawaran lantikan untuk menjalani latihan siswazah (*First Year Dental Officer*). Manakala, bakinya akan dilantik secara berfasa tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Antara faktor penyumbang kepada berlakunya kelewatan graduan pergigian diberi penempatan khidmat wajib di hospital Kerajaan keadaan tersebut adalah ketidakupayaan hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan Malaysia menyediakan perjawatan kosong secukupnya bagi menampung keluaran graduan pergigian yang setiap tahun meningkat melebihi keupayaan sebenar perjawatan di hospital Kerajaan.

Berdasarkan rekod pada 2015, jumlah graduan pergigian yang telah menamatkan pengajian dan berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia adalah sebanyak 980 yang mana 482 adalah graduan dari universiti luar negara termasuk di bawah pembentukan sendiri. Graduan dari universiti luar negara telah mencatatkan rekod peningkatan hampir dua (2) kali ganda pada tahun 2015 berbanding 245 pada tahun 2013.

Keupayaan untuk menyediakan penempatan khidmat wajib di hospital Kerajaan adalah bergantung kepada kekosongan perjawatan serta peralatan dan kerusi pergigian (*dental chair*) di hospital Kerajaan. Berdasarkan faktor tersebut, Kerajaan hanya menawarkan sebanyak 504 penempatan khidmat wajib pada tahun 2015. Pengambilan melebihi keupayaan ini boleh mengakibatkan graduan yang dilantik perlu berkongsi peralatan dan ruang kerja serta pendedahan kompetensi dan penyesuaian graduan dengan persekitaran kerja tidak dapat dibuat mengikut standard yang ditetapkan.

Bagi Graduan Farmasi , bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 29 Februari 2016 terdapat seramai 11,684 graduan farmasi yang mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Daripada jumlah tersebut, 1,037 graduan farmasi telah dipanggil temuduga oleh SPA dan yang telah hadir adalah seramai 990 orang. Daripada jumlah yang hadir temuduga, 335 (33.8%) orang telah berjaya temuduga dan menerima surat tawaran lantikan untuk menjalani latihan siswazah (*Provisionally Registered Pharmacist*). Manakala, bakinya akan dilantik secara berfasa tertakluk kepada kekosongan jawatan.

**SOALAN NO. 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK  
MENG [ SIMPANG RENGGAM ]

**TARIKH :** 24 MEI 2016

**SOALAN :**

**YB Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan pelan tindakan perlaksanaan projek Rancangan Malaysia Ke-11 (mengikut Statistik Pelaksanaan).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Ke-11 mula dilaksanakan pada tahun 2016. Sebanyak RM45.9 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan 4,669 projek pembangunan. Daripada jumlah ini, sehingga 15 Mei 2016, sebanyak RM14.6 bilion atau 32% telah dibelanjakan. Bagi prestasi fizikal, daripada jumlah keseluruhan 4,669 projek, sebanyak 413 projek telah siap, 4,013 dalam pelaksanaan dan baki sebanyak 243 projek dalam peringkat pra-pelaksanaan. Pelan tindakan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Ke-11 khusus bagi pelaksanaan projek-projek fizikal adalah meliputi aktiviti utama seperti penentuan dan pengambilan tapak, penyediaan ringkasan dan reka bentuk, proses tawaran dan perolehan, kerja-kerja binaan termasuk memasuki tapak, penyediaan kemudahan, alat dan jentera dan sehinggalah aktiviti penyerahan dan pemantauan dalam tempoh kecacatan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauhmana kaedah pengukuran saintifik dalam Indeks Syariah Malaysia (ISM) bagi menentukan kedudukan kerajaan dalam menepati piawaian Islam selari dengan kaedah dan hukum Islam.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tadbir urus berdasarkan piawaian Maqasid Syariah telah lama diaplikasikan sebagai teras dalam penggubalan dasar dan polisi pentadbiran di Malaysia selama ini. Tetapi ianya belum pernah dinilai prestasi dan kedudukan sebenar pelaksanaannya. Beriltizam kepada perkara tersebut, YAB Perdana Menteri telah mencetuskan idea Indeks Syariah untuk dilaksanakan di Malaysia sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara yang bersifat saintifik. Kaedah pengukuran ISM secara saintifik ini amat signifikan bagi Kerajaan untuk menentukan

sejauhmana (berpandukan data kuantitatif) usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pentadbiran negara selama ini berada atas landasan Maqasid Syariah.

Data indeks yang dihasilkan akan menjadi satu indikator komprehensif kepada Kerajaan bagi menilai komitmen dan tahap usaha yang dilaksanakan dalam menterjemah dan mengimarahkan prinsip dan nilai Islam. Proses penambahbaikan dan pengukuhan ISM perlu sentiasa dipantau agar tanggungjawab Kerajaan untuk memaju, menyubur dan memperkasakan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 3, Perlombagaan Persekutuan dapat dilaksanakan sebaiknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ISM memfokuskan pengukuran terhadap usaha yang dilakukan adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 39 yang bermaksud: “*Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya*”

Disamping yang sama, pendekatan ***muhasabah*** yang digunakan dalam ISM juga adalah selaras dengan tuntutan Islam berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud: ”*Orang yang pintar ialah yang selalu muhasabah dirinya dan beramal untuk kematiannya, sementara orang yang lemah ialah yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan Allah SWT akan mengampunkannya.*” (*Hadis riwayat at-Tirmidzi*).

Sekian, terima kasih.